

Headline	Separuh atap rumah diterbang ribut 15 minit		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	23 Jul 2021	Language	Malay
Circulation	112,705	Readership	338,115
Section	Setempat	Page No	18
ArticleSize	211 cm <sup>2</sup>	Journalist	N/A
PR Value	RM 24,840		



AZIZAH menunjukkan atap rumahnya yang rosak dilanda ribut di Kampung Tasek Bakong, Rantau Panjang, semalam.

## Separuh atap rumah diterbang ribut 15 minit

**Rantau Panjang:** "Kami sekeluarga hanya mampu melihat hampir separuh atap rumah dibawa angin dalam ribut serta berdoa semoga tiada yang tercedera dalam kejadian itu," kata Azizah Junoh, 60.

Menurutnya, kejadian berlaku sekitar jam 5 petang semalam itu bermula dengan hujan biasa sebelum ribut datang melanda selama 15 minit.

Katanya, ribut menerbangkan atap rumah selain menyebabkan garaj roboh serta menghempap dua kereta miliknya.

"Saya baru sahaja bersiap untuk solat Asar ketika itu, namun dikejutkan dengan suara anak yang memberitahu angin kuat melanda. Kami tidak dapat berbuat apa-apa kerana ia berlaku dengan pantas.

"Bunyi angin yang kuat serta hujan lebat sangat menakutkan. Bagaimanapun, saya dan suami (Othman Sapiin, 66) bersyukur kerana kami berdua dan empat anak selamat walaupun me-

ngalami kerugian.

"Selain rumah dan garaj, ribut turut memusnahkan dua pokok rambutan serta pokok manggis yang sedang lebat berbuah," katanya ketika ditemui di rumahnya di Kampung Tasek Bakong di sini, semalam.

Azizah berkata, suami dan anak lelakinya terus membaiki dan memasang semula atap yang tercabut kerana risau terpaksa berhujan di sebelah malam kerana mereka tiada tempat lain untuk berteduh.

Tinjauan ke kampung berkenaan mendapati terdapat juga beberapa kediaman lain yang turut rosak dalam ribut itu selain terdapat jalan terhalang dengan pokok tumbang.

"Akibat kejadian ini juga, penduduk kampung terpaksa 'bergelap' seketika kerana terdapat pokok tumbang menyebabkan kabel elektrik putus sebelum keadaan kembali pulih dengan kehadiran pihak Tenaga Nasional Berhad (TNB)," katanya.